

Headline	PROGRAM PERINTIS SUBSIDI MINYAK DI BHPETROL		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	40	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	324 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,784



BHPetrol akan menyumbangkan RM20 setiap bulan bagi pembelian minyak petrol motosikal di stesen BHPetrol di Kampung Sungai Kayu Ara kepada 40 keluarga di bawah Program MyKasih.

Bantuan itu akan diberikan selama 12 bulan bermula bulan ini.

Sumbangan sempena kerjasama pihak Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHPetrol) bersama Yayasan MyKasih memperkenalkan program perintis subsidi minyak di stesen BHPetrol di Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya, Isnin lalu.

Pengarah Urusan BHPetrol KT Tan

PROGRAM PERINTIS SUBSIDI MINYAK DI **BHPETROL**

berkata, syarikat itu berharap program mendapat sambutan dan merancang untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti seumpama itu.

"Program bersama Yayasan MyKasih ini menjadi sebahagian tanggungjawab korporat syarikat.

"Ia antara cara membantu golongan memerlukan menghadapi kos sara hidup tinggi. Sekiranya program perintis ini mendapat sambutan, kami akan mengembangannya ke stesen-stesen lain pada masa akan datang," katanya.

Turut serta dalam program berkenaan, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun dan Pemegang Amanah Yayasan MyKasih, Datuk Badlisham Ghazali.



Wakil BHPetrol, Azizah (dua, kanan) dan Badlisham (tiga, kiri) beramah mesra dengan Siti Halimah Sabran, 50, yang sedang mengisi minyak motosikalnya.